

# PEMANTAPAN IDENTITI BANDAR MENERUSI PEMBENTUKAN ZON SEJARAH

## KAJIAN KES: BANDAR KELANG SELATAN



Penyelia Pertama:  
**Prof. Madya. Puan Kamariyah Kamsah**

Penyelia Kedua :  
**En. Anuar Mohd Noor**

Disediakan Oleh  
Fairouz @ Muhammad CheAni  
(April 2001)  
Ijazah Sarjana Muda Senibina Landskap (Kepujian)

## **PENGHARGAAN**

Segala puji-pujian khususnya bagi Allah S.W.T dan salam untuk junjungan Besar Nabi kita Sayyidina Muhammad s.a.w., Ahli-ahli keluarga dan sahabat-sahabat Baginda yang telah diredai oleh Allah S.W.T sekeliannya.

Penulis ingin memanjat kesyukuran kepada Allah S. W.T kerana dengan nikmat akal dan kesihatan yang telah dianugerahkan kerana dapat menyiapkan sebuah kajian yang amat bermakna ini.

Seterusnya penulis juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Puan Kamariyah Kamsah, En. Anuar Mohd Noor, En. Razali Abd Malek, En. Azlaini, En. Abdul Rahman, En. Norhisyam Abd. Wahab, pensyarah-pensyarah dan semua yang teriibat di dalam proses menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, penulis juga sangat-sangat berterima kasih kepada emak, adik-adik dan tunang tersayang, diatas kesabaran dan kerjasama mereka selama penulis mengikuti kursus ini.

Apa yang baik adalah dari kurniaan Allah dan segala kelemahan pada kajian ini adalah dari diri saya sendiri.

Wassalam.

**BAHAGIAN 1****Bab 1[PENGENALAN KAJIAN]**

1.0	Aspek Visual Dan Material Budaya	1
1.1	Pembentukan Identiti bandar	2
1.2	Matlamat dan Objektif	3
1.2.1	Matlamat	3
1.2.2	Objektif	4
1.3	Skop Kajian	5
1.4	Methodologi Kajian	5
1.5	Pemilihan Tapak dan Isu-isu	7
1.6	Harapan Dan Pandangan	8

**Bab 2 [KAJIAN RUJUKAN]**

2.0	Pengenalan	
2.1	Identiti Bandar	9
2.2	Kepentingan Mewujudkan Identiti Bandar	10
2.3	Elemen-elemen Bandar	10
2.4	Hubungkait Elemen Fizikal	13
2.5	Kajian Rujukan	15
2.5.1	Jalan Joo Chiat, Singapura	15
2.5.2	Little India, Singapura	25
2.6	Rumusan Kajian Rujukan	30

**BAHAGIAN 2**

**Bab 3 [KES KAJIAN]**

3.0	Inventori Tapak Penyelidikan	35
3.1	Latar Belakang Bandar Klang	35
3.2	Sejarah Awal Klang	37
3.3	Campurtangan British	39
3.4	Klang Kini	40
3.5	Bandar Klang Selatan	
3.5.1	Pengangkutan	42
3.5.2	Gunatanah Sediada	43
3.5.3	Gaya Senibina Bangunan Lama ....	44
3.5.4	Sirkulasi Kenderaan Dan Tempat Letak Kenderaan	45
3.5.5	Aktiviti Perniagaan	47
3.5.6	Elemen Bandar Klang	49
3.6	Kesimpulan	50

**Bab 4 [ISU]**

4.0	Isu Dan Masalah	51
4.1	<i>Steetscape</i>	51
4.2	Perancangan	53
4.3	Keadaan Bangunan	56
4.4	Kemudahan Awam	58
4.5	Program Perlaksanaan	60
4.6	Akta Kawal Sewa 1976	60

## 1.0 ASPEK VISUAL DAN MATERIAL BUDAYA

Bangunan lama yang terdapat di Malaysia merupakan salah satu khazanah budaya (*cultural heritage*) negara yang perlu dikekalkan. Bangunan lama seperti bangunan rumah-rumah kedai perlulah diberi perhatian yang serius bagi mengekalkan keindahan seni binanya. Namun begitu terdapat pihak-pihak tertentu tidak memberi keutamaan kepada seni bina lama di dalam arus negara menuju ke arah status maju.

Perkara ini menjadi lebih buruk lagi apabila tiada piawaian rekabentuk dan kawalan pembangunan yang sesuai untuk pemeliharaan warisan rekabentuk bandar (*urban design*) negara. Keadaan ini telah mencacatkan mutu visual dan menjadikan rekabentuk bandar ini menjadi bercelaru serta mengaburkan identiti bandar.

Kajian ini mengutarakan kepentingan warisan seni bina dan rekabentuk bandar. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini meliputi kajian rujukan dan kajian kes. Ia akan mengkaji pembangunan semasa dan kesannya ke atas bangunan rumah kedai lama dan persekitarannya. Kajian akan dibuat ke atas kesinambungan laluan pejalan kaki, laluan kenderaan, tempat letak kenderaan, rekabentuk bangunan, rekabentuk bumbung, perabut jalan, tanaman teduhan, perincian rekabentuk laluan pejalan kaki dan sebagainya.